

**Selangkah ke Universiti diperluas ke IPTS
Utusan Online
September 22, 2011**

MELAKA 21 Sept. - Program Selangkah Ke Universiti anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) akan turut melibatkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tidak lama lagi.

Naib Yang Dipertua Bakti, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman berkata, tujuannya bagi memberi peluang kepada pelajar sekolah menengah yang mengikuti program itu merasai pengalaman jika berpeluang melanjutkan pelajaran di mana-mana kolej atau universiti swasta.

Beliau yang juga isteri kepada Timbalan Perdana Menteri berkata, bagi program yang akan datang, Bakti telah memilih tiga IPTS iaitu Curtin University Sarawak, Universiti Multimedia dan Universiti Teknologi Petronas.

Menurutnya, Bakti menyasarkan 11 universiti daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan IPTS terlibat bagi menggerakkan program tersebut dengan penyertaan kira-kira 4,000 pelajar dari 380 sekolah di seluruh negara.

"Kita rasa bertuah kerana program ini bukan sahaja melibatkan IPTA tetapi juga diperluaskan kepada IPTS," katanya ketika berucap melancarkan program Selangkah Ke Universiti di Dewan Besar Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), di sini, hari ini.

Turut hadir isteri Ketua Menteri, Datin Seri Asmah Abd. Rahman dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Nor Hussin.

Program sehari anjuran Bakti dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi melalui UTeM itu disertai 330 pelajar tingkatan empat daripada lapan kawasan Parlimen seperti Tangga Batu, Bukit Baru, Masjid Tanah termasuk Pagoh dan Muar.

Para pelajar yang terlibat dalam program itu dibawa melawat ke pelbagai kemudahan pengajian yang disediakan di UTeM antaranya kampus, perpustakaan, fakulti dan makmal teknologi tinggi.

Selain itu, Noorainee berkata, Bakti berharap melalui kerjasama dengan IPTS, ia dapat membantu pihaknya menjayakan lagi program tersebut bagi menepati objektifnya.

Pada masa sama, beliau menasihatkan pelajar yang terpilih menyertai program itu agar bijak memanfaatkan peluang untuk meningkatkan penguasaan pembelajaran seterusnya mencapai kejayaan mutlak dalam hidup.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0922&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm